

Bil. S 17

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3) dan (5))**

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2004/2005) (BIL. 6), 2007

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 28/06) bertarikh 6 haribulan Mac, 2006 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan mana-mana Perintah tersebut, membuat semua peruntukan kewangan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat ribu, empat ratus dua puluh satu juta, satu ratus lapan ribu dan lima puluh ringgit (\$4,421,108,050.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan (2004/2005), 2004 (S 34/04);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tiga puluh sembilan juta, lima ratus dua puluh enam ribu, satu ratus sembilan puluh empat ringgit dan lima puluh lapan sen (\$39,526,194.58) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2004/2005) (Bil. 1), 2004 (S 68/04);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua puluh lapan juta, tujuh ratus sembilan puluh sembilan ribu, satu ratus lapan puluh lapan ringgit dan lima sen (\$28,799,188.05) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2004/2005) (Bil. 2), 2004 (S 86/04);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang sembilan belas juta, lima ratus lapan puluh satu ribu, dua ratus tiga puluh lapan ringgit (\$19,581,238.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2004/2005) (Bil. 3), 2005 (S 21/05);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang sembilan belas juta, dua ratus tiga puluh lapan ribu, sembilan ratus enam puluh ringgit dan enam puluh tujuh sen

(\$19,238,960.67) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2004/2005) (Bil. 4), 2005 (S 24/05);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang sebelas juta, enam ratus dua ribu, empat ratus lima puluh tujuh ringgit dan sembilan puluh satu sen (\$11,602,457.91) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2004/2005) (Bil. 5), 2005 (S 48/05);

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak lima puluh enam juta, lima ratus enam puluh lima ribu, enam ratus lapan puluh lapan ringgit dan empat belas sen (\$56,565,688.14);

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2004/2005) (Bil. 6), 2007.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2004/2005 dan peruntukan.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi lima puluh enam juta, lima ratus enam puluh lima ribu, enam ratus lapan puluh lapan ringgit dan empat belas sen (\$56,565,688.14) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2004/2005, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Perintah Perbekalan (2004/2005), 2004 (S 34/04), Perintah Perbekalan Tambahan (2004/2005) (Bil. 1), 2004 (S 68/04), Perintah Perbekalan Tambahan (2004/2005) (Bil. 2), 2004 (S 86/04), Perintah Perbekalan Tambahan (2004/2005) (Bil. 3), 2005 (S 21/05), Perintah Perbekalan Tambahan (2004/2005) (Bil. 4), 2005 (S 24/05) dan Perintah Perbekalan Tambahan (2004/2005) (Bil. 5), 2005 (S 48/05) adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang ini adalah diperuntukkan bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

[1]	[2]	[3]
Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan Kepada Tajuk
	KEMENTERIAN KESIHATAN	
SM02A	Jabatan Perkhidmatan Perubatan	\$13,418,076.00
	KEMENTERIAN PERHUBUNGAN	
SN07A	Jabatan Telekom	\$43,147,612.14
		\$56,565,688.14

Diperbuat pada hari ini 23 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1428 bersamaan dengan 11 haribulan April, 2007 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM